

# Lebih 100 penduduk sertai Outreach Salong, Pegalungan

NST 3.12.13 6

NABAWAN: Lebih 1,000 penduduk terdiri daripada pemimpin masyarakat, belia dan pelajar dari mukim Salong, menyertai program Outreach Salong, Pegalungan di Kampung Salong Pegalungan baru-baru ini.

Program itu dianjurkan Unit Penyelidikan Pendidikan Luar Bandar (UPPLB) Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Pelajar Sarjana Pendidikan Kurikulum ambilan 2013, Sekolah Pendidikan Dan Pembangunan Sosial (SPPS) UMS serta Jabatan Pelajaran Negeri Sabah.

Ketua Program Unit Penyelidikan, Pendidikan Luar Bandar UMS, Dr Khalid Johari berkata program bertujuan mempertingkat kredibiliti akademik UMS untuk menerokai potensi ilmu berkaitan keperluan pembangunan, pendidikan dan sosio-ekonomi masyarakat di Pedalaman.

Katanya, program yang telah dilaksanakan di beberapa daerah terpilih di seluruh negeri mendapat sambutan serta kesan positif khususnya



**RAKAM KENANGAN...** Sebahagian daripada pensyarah dan Pelajar UMS, murid bergambar kenangan bersama pemimpin masyarakat dan murid SK. Salong.

kepada masyarakat luar bandar serta membina jati diri dan pengalaman pelajar Institusi Pegajian Tinggi.

"Selain memberi pendedahan kepada golongan pelajar agar dapat berkongsi pengalaman dengan masyarakat setempat dalam pelbagai bidang terutama pendidikan, pelajar juga akan lebih berjati diri sebelum menamatkan pengajian seterusnya bertugas dalam pelbagai agensi kelak, termasuk bertugas di kawasan luar bandar kelak," katanya.


Katanya, sebahagian besar aktiviti dalam pro-

gram 4 hari itu berkaitan kemasyarakatan yang berbentuk pendidikan dan dijangka mampu memberi pendedahan terhadap perihal pentingnya pendidikan lestari, membabitkan komuniti penduduk pedalaman dan pelajar sekolah luar bandar.

Sementara itu, berucap merasmikan program itu, Penolong Pegawai Daerah Nabawan Aloysius Anthony, berkata usaha murni UMS dalam menyemarakkan lagi kesedaran masyarakat luar bandar dalam memastikan keutamaan diberikan kepada bidang pendidikan, bagi perubahan sebuah masyarakat.

Katanya, penduduk luar bandar masih memerlukan bimbingan serta pendedahan, khususnya murid-murid diperingkat sekolah rendah supaya mempunyai motivasi untuk belajar bersungguh-sungguh sehingga ke menara gading.

Beliau berkata, peluang yang diberikan oleh kerajaan termasuk Universiti Malaysia Sabah serta pusat pengajian tinggi awam serta swasta di negeri ini khasnya perlu diambil peluang oleh generasi muda, termasuk dari kawasan luar bandar. **-OLEH MARUTIN ANSIUNG (marutin@newsabahtimes.com.my)**



**SERTAI...**  
Sebahagian  
murid sekolah  
Kebangsaan  
Kuala Salong  
menyertai  
bengkel  
Bahasa  
Inggeris.



**REKACIPTA...**  
Siswi UMS  
menunjukkan  
murid dalam  
aktiviti reka  
cipta.